

# Rekod baru tanam 20,200 pokok bakau

**Kuala Lumpur:** Institut Rimbawan Malaysia (IRIM) mencatat rekod baru dalam Malaysia Book of Records menerusi acara menanam 20,200 pokok paya bakau di Langkawi yang membaharui rekod menanam 11,111 pokok itu di Perlis pada 2011.

Dalam acara itu, dua spesies bakau - bakau minyak (*Rhizophora Apiculata*) dan bakau kurap (*Rhizophora Mucronata*) - ditanam dalam tempoh kurang dua jam di Hutan Simpan Dayang Bunting.

Acara itu yang dilakukan dengan kerjasama Jabatan

Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Kedah menjadi lebih bermakna apabila dua pokok terakhir ditanam oleh bekas Perdana Menteri Tun Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Tun Jeanne Abdullah di Kampung Selat Bagan Nyiur.

Setiausaha Kehormat IRIM yang juga pengarah projek itu, Mohd Yussainy Md Yusop berkata, kejayaan menanam semua pokok bakau itu adalah pencapaian bersama IRIM, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Kedah.